

Ahmad Said persoal kadar bayi luar nikah

Berita Harian 05/08/2010

KUALA TERENGGANU: Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said mempersoalkan perangkaan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengenai jumlah kadar kelahiran bayi luar nikah yang tinggi terutama di kalangan remaja di negeri ini.

Beliau berkata, perangkaan yang dikeluarkan JPN perlu disahkan dan pihaknya akan mendapatkan maklumat tepat serta penjelasan terperinci daripada jabatan berkenaan mengenai isu itu.

Justeru, beliau berkata, kerajaan negeri tidak melihat keperluan untuk mengikut jejak langkah kerajaan negeri Melaka yang bercahaya menubuhkan Sekolah Remaja Hamil, bagi membantu mangsa rogol atau zina, hingga menyebabkan kehamilan.

“Setakat ini kerajaan negeri memang tidak ada perancangan untuk ikut

Melaka (tubuhkan Sekolah Remaja Hamil),” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) di sini, semalam.

Akhbar sebelum ini melaporkan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Masyarakat dan Wanita negeri, Yahya Khatib Mohamad, berkata gejala sosial terutama kes kelahiran anak luar nikah di kalangan remaja di negeri ini agak serius dan perlu ditangani dengan kerjasama semua pihak termasuk guru, ibu bapa dan pemimpin masyarakat.

Beliau berkata, berdasarkan perangkaan JPN, bermula 2008 sehingga akhir Jun lalu, sebanyak 1,160 kes kelahiran anak luar nikah dilaporkan di negeri ini, dengan ibu paling muda melahirkan bayi luar nikah berusia 15 tahun.